



SOALAN LAZIM

1. **Apakah langkah-langkah yang perlu saya lakukan untuk melaporkan aduan berkaitan kandungan di internet?**

Pertama:

Anda digalakkan untuk membuat aduan terus kepada pihak pengendali/pemilik kandungan tersebut. Jika tiada maklumat mengenai pengendali/pemilik kandungan tersebut dapat diperolehi secara terus di laman tersebut, anda dinasihatkan untuk menggunakan perkhidmatan laporan penyalahgunaan atau 'report abuse' yang disediakan di dalam laman tersebut. Ini ialah kerana laporan sendiri dari pihak tuan/puan adalah lebih diutamakan oleh mana-mana pihak pentadbiran laman-laman sesawang.

Kedua:

Anda boleh membuat aduan kepada SKMM dengan menyertakan dokumen sokongan dan maklumat terperinci mengenai kandungan yang diadakan. Salinan emel/surat yang telah dihantar kepada pihak pemilik/pentadbir laman web ataupun pihak berkuasa lain juga patut disertakan.

Anda boleh membuat laporan kepada kami di laman web <http://aduan.skmm.gov.my/> atau mana-mana saluran aduan yang disediakan oleh SKMM. Pihak kami akan mengkaji aduan tersebut dan akan membantu pihak tuan/puan menyelesaikan masalah yang dihadapi.

SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Pihak SKMM akan memaklumkan penerimaan aduan tuan/puan berserta dengan nombor rujukan dalam masa 3 hari selepas aduan diterima (pengesahan untuk aduan melalui laman web/portal Aduan SKMM akan diterima dalam masa 1 hari). Anda akan menerima jawapan hasil siasatan SKMM dalam masa 15 hari dari tarikh aduan diterima.

Ketiga:

Membuat laporan kepada pihak berkuasa berkaitan seperti PDRM, KPDKK, BNM dan agensi-agensi penguatkuasa yang berkaitan.

Pihak SKMM bukanlah satu-satunya agensi yang mempunyai kuasa untuk menyiasat aduan berkaitan kandungan di Internet. Pemberian kandungan di Internet adalah tertakluk kepada semua undang-undang Negara yang berkaitan dan laporan/aduan boleh di buat di agensi-agensi berkuatkuasa mengikut bidang kuasa masing-masing seperti berikut:-

Jenis kesalahan	Undang-undang berkuatkuasa	Agensi Terlibat
Hasutan	<ul style="list-style-type: none">• Akta Hasutan 1948	Polis Diraja Malaysia (PDRM)
Menggugat Keselamatan Negara	<ul style="list-style-type: none">• Kanun Keseksaan	PDRM
Penipuan	<ul style="list-style-type: none">• Akta Syarikat 1965	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
	<ul style="list-style-type: none">• Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989	Bank Negara Malaysia (BNM)
	<ul style="list-style-type: none">• Akta Jualan Langsung 1993• Akta Perlindungan Pengguna 1999 (termasuk urusan jual beli atas talian)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKK)
Penipuan	<ul style="list-style-type: none">• Kanun Keseksaan	PDRM

Jenis kesalahan	Undang-undang berkuatkuasa	Agensi Terlibat
	(seksyen 420)	
Hak Cipta	<ul style="list-style-type: none"> Akta Hak Cipta 1987 	KPDNKK
Fitnah	<ul style="list-style-type: none"> Kanun Kesaksaan Akta Fitnah 1957 	PDRM Tindakan Sivill
Perjudian	<ul style="list-style-type: none"> Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 Akta Pertaruhan 1953 Akta Pertaruhan Pool 1967 	PDRM
Ugutan Nyawa	<ul style="list-style-type: none"> Kanun Keseksaan 	PDRM
Penggodaman	<ul style="list-style-type: none"> Akta Jenayah Komputer 1997 	PDRM

Saluran Alternatif:

Anda juga boleh membuat aduan kepada pihak Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) di <http://www.cmcf.my/> dengan menyertakan ;

- Nama penuh
- Nombor Kad Pengenalan Baru
- No Telefon
- Alamat
- Cekupan skrin kandungan yang dimaksudkan
- Capaian (link) kandungan tersebut
- Maklumat penghantaran emel (Email Header)
- Maklumat suspek (jika mengenali suspek)
- Menghuraikan masalah/aduan yang di buat
- Menyatakan tuntutan

SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Untuk makluman, pihak CMCF hanya boleh mengambil tindakan terhadap penyedia atau pemberi kandungan yang menjadi ahli mereka ataupun pihak yang telah bersetuju/diarahkan untuk mematuhi Kod Kandungan.

2. Apakah bidangkuasa SKMM bagi menangani aduan berkaitan kandungan jelik di internet?

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) mempunyai dua (2) peruntukan utama yang membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas aduan-aduan berkaitan kandungan jelik di Internet, iaitu:

Seksyen 211: Larangan Terhadap pemberian kandungan jelik

- (1) Tiada pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan, atau orang lain yang menggunakan perkhidmatan aplikasi kandungan, boleh memberikan kandungan yang sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang.
- (2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan diteruskan selepas pensabitan.

Seksyen 233: Penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, dll.

- (1) Seseorang yang –
 - (a) dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar –
 - (i) membuat, mewujudkan atau meminta-minta; dan
 - (ii) memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau

SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

(b) memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan, berulang kali atau selainnya, dan dalam masa itu komunikasi mungkin atau tidak mungkin berlaku, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya dan dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang secara sedar –

(a) Dengan menggunakan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi memberikan apa-apa komunikasi lucah bagi maksud komersial kepada mana-mana orang; atau

(b) Membenarkan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi rangkaian di bawah kawalan orang itu untuk digunakan bagi suatu aktiviti yang diperihalkan dalam perenggan (a),

adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan diteruskan selepas pensabitan.

3. Bolehkah saya mendapatkan maklumat suspek?

Pihak SKMM tidak boleh memberi maklumat-maklumat peribadi suspek yang diperolehi melalui siasatan kami kepada pengadu atau orang awam. Pihak SKMM hanya boleh memberi maklumat kepada pihak berkuasa yang menjalankan siasatan atau kepada mahkamah.

Untuk makluman, pihak SKMM tidak menyimpan maklumat mengenai kepenggunaan Internet, mahupun maklumat peribadi pengguna-pengguna Internet di Malaysia. Di samping itu, SKMM juga tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai pemilik/penulis blog ataupun akaun laman rangkaian sosial, maklumat pemilik e-mel dan alamat-alamat IP yang digunakan melainkan ianya diperolehi dalam proses siasatan yang dijalankan oleh SKMM di bawah akta-akta yang dikuatkuasakan.

Jika pihak tuan/puan ingin mendapatkan maklumat mengenai suspek untuk tindakan perundangan sivil, tuan/puan perlu mendapatkan perintah mahkamah atau *court order* supaya pembekal perkhidmatan yang terlibat, seperti pemberi perkhidmatan Internet atau pun perkhidmatan *web-hosting* dapat menyediakan maklumat yang dikehendaki.

4. Apa yang boleh dilakukan jika laman web terlibat beroperasi di luar Negara?

Proses mendapatkan maklumat dan bantuan dari pentabdir laman web yang beroperasi di luar negara adalah terhad dan bergantung kepada kesalahan yang terlibat.

Pada kebiasaannya, tindakan lanjut terhadap aduan ataupun laporan penyalahgunaan, sama ada dari pihak SKMM atau pun pihak pengadu sendiri, adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh

pihak pentadbiran laman tersebut dan juga undang-undang berkaitan di negara tersebut.

5. Seseorang telah membuat laman web palsu yang meniru kandungan laman web (syarikat, persendirian ataupun kumpulan) saya. Apakah tindakan yang dapat dilakukan?

Anda digalakkan untuk membuat aduan sendiri kepada pihak pengendali laman web dan memohon supaya laman web yang palsu dipadamkan.

Jika tiada tindakan dari pihak laman web, bergantung kepada fakta-fakta kes, dua (2) jenis kesalahan yang mungkin terlibat:

- a) Percubaan penipuan - anda boleh membuat laporan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) memandangkan ini merupakan satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaaan.

- b) Perlanggaran hak cipta - Jika cap dagangan atau lain-lain hak cipta digunakan oleh pihak yang tidak ada haknya menggunakannya di laman web palsu tersebut, aduan boleh dikemukakan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang akan menyiasat kesalahan ini di bawah Akta Cap Dagangan 1976 ataupun Akta Hak Cipta 1987.


Di samping itu, untuk laman web palsu di mana nama laman web tersebut menggunakan nama anda ataupun nama syarikat anda atau mana-mana nama yang cap dagangnya milik anda, aduan boleh dikemukakan kepada pihak *Regional Centre For Arbitration* Kuala Lumpur (www.rcakl.org.my) bila ia melibatkan penggunaan *domain name* ".my". Mereka boleh dihubungi melalui talian 03-2142 0103/0207/0384, melalui faks di 03-2142 4513 atau secara e-mel kepada ndr@rcakl.org.my.

6. Kandungan di mana hak cipta adalah kepunyaan saya (seperti penulisan, klip video atau rakaman) telah dimuatnaik tanpa kebenaran saya. Bolehkah SKMM membantu saya untuk mengeluarkan kandungan tersebut dari laman web?

Anda disarankan untuk membuat aduan terus kepada pihak pengendali laman web supaya kandungan tersebut dihentikan sebaran/penyiarannya. Aduan juga boleh dibuat kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) memandangkan pencabulan hakcipta merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hak Cipta 1987 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian tersebut. Pihak empunya kandungan bolehlah membuat laporan terus kepada pihak Unit Aduan KPDNKK iaitu kepada emel e-aduan@kpdnkk.gov.my supaya siasatan lanjut dapat dijalankan.

Contoh: Aduan kepada You Tube

You Tube mengamalkan sistem aduan yang teliti terhadap aduan pencabulan hak cipta dan telah menyediakan satu borang "*Copyright Complaint Webform*" di lamannya untuk pengisian oleh pihak empunya hak cipta. Borang tersebut hanya boleh diisikan oleh empunya hak cipta terlibat atau agen yang diberi kebenaran.

- i. Log masuk (*Log-in*) kedalam akaun *YouTube* dan layari capaian video yang dimaksudkan.
- ii. Kemudian pilih  di sebelah bawah, kanan video tersebut.
- iii. Seterusnya klik pada "*Infringes my copyright*".
- iv. Seterusnya pilih ruangan "*Submit*" disebelah kanan ruang tersebut.

SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

- v. Akan tertera satu halaman notifikasi berkenaan isu hakcipta. Sila klik pada "Submit a copyright complaint"
- vi. Kemudian akan keluar satu halaman baru berkenaan isu hakcipta.
- vii. Sila pilih bahagian yang berkenaan dan ikut langkah-langkah seterusnya sehingga selesai laporan tersebut.
- viii. Di bahagian *What is the issue* – pilih '*Copyright Infringement (someone copied my creation)*'
- ix. Jawab soalan *Copyright infringement – who is affected?*
 - a) Pilih "I am" atau "My company, organization or client"
- x. Isikan URL video yang terlibat dan maklumkan jenis pencabulan yang dilakukan.
- xi. Penuhkan maklumat tuan/puan seperti dikehendaki dan klik butiran pengesahan yang disediakan.
- xii. Setelas selesai mengisi maklumat yang diperlukan "Submit Complaint"

Pihak YouTube akan memberi maklumbalas kepada tuan/puan di alamat emel yang tuan/puan berikan semasa log in.

Berhati-hati dalam membuat aduan berkaitan hak cipta dan jangan lakukan tuntutan palsu. Untuk makluman, pihak YouTube akan memaparkan maklumat empunya hak cipta ditempat kandungan yang dialihkan.

7. Akaun E-mel/Facebook / laman blog saya digodam. Apa yang perlu saya lakukan?

Untuk makluman, siasatan ke atas aduan penggodaman adalah di bawah bidang kuasa PDRM dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Jenayah Komputer 1997. Aduan boleh dibuat di mana-mana balai polis berdekatan.

Anda digalakkan untuk membuat laporan kepada pengendali laman blog atau web tersebut untuk memaklumkan perkara ini. Kebanyakan laman-laman web menyediakan kemudahan membuat laporan penyalahgunaan, termasuklah untuk kesalahan penggodaman. Antara langkah-langkah yang boleh dilakukan termasuklah memadam akaun terlibat atau disetkan semula kata laluan yang baru dan lebih selamat.

Contoh: Aduan kepada Yahoo Mail

Pihak SKMM juga menyarankan supaya anda melaporkan perkara ini terus kepada pihak pengendali laman yahoo di <https://edit.yahoo.com/forgotroot/>, kerana laporan dari pihak tuan/puan lebih diutamakan oleh pihak pentadbiran Yahoo.

- i. Setelah klik di capaian di atas, akan tertera laman utama bagi melaporkan masalah berhubung akaun yahoo tuan/puan.
- ii. Kemudian klik pada *My account may have been compromised*
- iii. Kemudian tekan butang *next*
- iv. Dan seterusnya ikut arahan yang tertera dan isi maklumat yang diperlukan sehingga selesai.

Contoh: Aduan kepada Wordpress

Pihak SKMM juga menyarankan anda untuk melaporkan perkara ini kepada pengendali laman Wordpress di <http://en.wordpress.com/abuse/>, kerana laporan sendiri dari tuan/puan semestinya lebih diutamakan oleh pihak pentadbiran Wordpress.

Anda boleh mengisi borang maklumat aduan yang disediakan oleh Wordpress dengan menggunakan cara-cara berikut:

- i. Isikan nama sebenar pengadu
- ii. Isikan alamat emel formal pengadu (alamat emel tersebut akan digunakan oleh pihak Wordpress untuk menghubungi pihak pengadu untuk maklumbalas lanjut)
- iii. Pilih *Type of complaint – Other*
- iv. Isikan *URL of offending blog post*
- v. *Jawab Complaint (please send specific quotations of the offending material)*
 - a) Anda harus menjelaskan bahawa akaun Wordpress anda telah digodam oleh seseorang untuk tujuan menjatuhkan kredibiliti pihak pengadu (sebagai contoh).
 - b) Kandungan fitnah di capaian (seperti di atas) juga telah membawa kepada masalah yang agak besar (berikan contoh)

8. Saya telah difitnah di laman blog/laman sosial.


Jika anda mengenali suspek, anda digalakkan supaya mengambil tindakan undang –undang sivil (mahkamah) seperti saman malu, tuntutan ganti rugi dan sebagainya yang berkaitan.

Sebarang maklumat lanjut berkenaan individu di sebalik sebarang laman sesawang atau forum boleh dimohon kepada pihak pengendali laman tersebut, setelah mendapat kelulusan dan perintah mahkamah.


Aduan juga boleh dibuat kepada SKMM melalui Aduan SKMM jika anda mendapati kandungan yang diterbitkan merupakan maklumat palsu ataupun mengandungi kenyataan-kenyataan yang bersifat jelik ataupun sumbang mengenai diri tuan/puan. Anda perlu mengenalpasti secara khusus kandungan-kandungan tersebut dalam aduan yang dibuat kepada pihak SKMM.

Contoh: Aduan kepada Facebook

a. Di laman individu

- i. Pergi ke profil suspek
- ii. Klik tanda  di atas kanan profil tersebut
- iii. Klik *Report/Block*
- iv. Klik pada *My Friend is annoying me* atau pengadu boleh memilih samada untuk
 - **“Unsubscribe”** suspek dan pengadu tidak akan melihat berita terkini suspek di Newsfeed pengadu;
 - **“Unfriend”** suspek dimana suspek tidak dapat berhubung di profil pengadu; atau
 - **“Block”** suspek dimana pengadu dan suspek tidak dapat berhubung sesama sendiri lagi.
- v. Klik *Continue*

b. Di laman “Group” atau “Page”

- i. Pergi ke laman Group yang berkenaan
- ii. Klik tanda  di atas kanan profil tersebut
- iii. Klik *Report Group*
- iv. Klik *It's harassing me* atau *It's harassing a friend* mengikut kesesuaian
- v. Klik *Continue*

Untuk maklumat lanjut, pengadu juga boleh pergi ke <http://www.facebook.com/report/> dan klik pada mana-mana penyalahgunaan mengikut kesesuaian.

9. Seseorang telah membuka akaun di laman rangkaian sosial dan menyamar sebagai diri saya.

Di setiap laman web, laman sosial, laman blog ataupun laman forum, terdapat satu capaian yang membolehkan anda melakukan aduan kepada pihak pentadbiran laman tersebut terhadap apa sahaja yang tidak memuaskan hati anda. Di bawah kategori "impersonation", anda boleh melakukan aduan terus kepada pihak pentadbiran laman untuk memadam akaun tersebut.

Untuk makluman anda, mana-mana pihak pentadbiran laman akan mendahulukan aduan terus daripada tuan/puan. Aduan ini memerlukan kerjasama dari anda untuk memuat-naik salinan kad pengenalan/passport (mana-mana dokumen yang sah dikeluarkan oleh Kerajaan) yang berbentuk digital imej untuk dijadikan sebagai rujukan bahawa anda adalah pemilik nama yang sebenar.

Contoh: Aduan kepada Twitter

Pihak SKMM juga menyarankan anda untuk melaporkan perkara ini kepada pengendali laman Twitter di <https://support.twitter.com/forms/impersonation> , kerana laporan sendiri dari pihak tuan/puan semestinya lebih diutamakan oleh pihak pentadbiran Twitter.

Anda perlu mengisi borang maklumat aduan yang disediakan oleh pihak Twitter dengan menggunakan cara-cara berikut:

- i. Klik di capaian di atas dan isikan ruangan yang disediakan
- ii. Masukkan kategori : pengadu, wakil pengadu, rakan pengadu atau wakil syarikat
- iii. Nama penuh pengadu
- iv. Alamat emel pengadu
- v. Twitter *username* pengadu (jika ada)
- vi. Maklumat berkaitan pengguna akaun Twitter palsu yakni:
 - a) Nama akaun Twitter palsu : misai_kuceng (CONTOH)
 - b) Penerangan mengenai akaun Twitter palsu
- vii. Isikan maklumat-maklumat lain di ruang "Wrapping up" dan klik "Submit"

10. Seseorang telah mempamerkan gambar/maklumat peribadi saya di Internet.

Terlebih dahulu anda disarankan untuk berhubung terus dengan pemilik atau pengendali laman tersebut bagi mengeluarkan gambar peribadi yang dimaksudkan.

Sekiranya, pemilik atau pengendali terbabit tidak menghiraukan atau enggan memberi kerjasama, laporkan pula kepada pentadbir laman terbabit (Flickr, Blogspot, Facebook, Tagged, Wordpress dan sebagainya) melalui *report abuse* seperti yang telah disediakan oleh pentadbir laman. Anda sebaiknya menyerta emel atau komunikasi dengan pemilik atau pengendali laman yang enggan memberi kerjasama untuk rujukan pihak pentadbir. Oleh itu, setiap interaksi atau komunikasi dengan pemilik atau pengendali terbabit perlu di simpan sebagai bukti.

Contoh: Aduan kepada Tagged:

Tagged memerlukan pihak pengadu untuk melaporkan penyalahgunaan sendiri kepada mereka. Kebanyakan kes yang berlaku adalah di mana sebuah profil palsu telah dicipta dengan memaparkan nama/gambar/maklumat peribadi pengadu, dan juga ada yang memaparkan nombor telefon peribadi untuk tujuan seks.

Berikut adalah cara-cara untuk melaporkan profil palsu dan penyalahgunaan maklumat peribadi di Tagged.

- i. Tandakan "report abuse" pada profil palsu tersebut sepertimana yang disediakan di ruangan laman terbabit. Jika pengadu tidak mempunyai akaun Tagged, pengadu boleh mengakses kemudahan membuat laporan dengan mendaftar masuk melalui Facebook.
- ii. Pilih "*identity theft or stolen profile information*" sebagai sebab, dan pihak pengadu akan diberikan capaian untuk melakukan aduan penyalahgunaan.
- iii. Pada ruangan "*Submit a ticket*", kategori yang harus dipilih ialah *Safety and Privacy* – subkategori *Impostor Profile*.
- iv. Pada ruangan '*Step 1: Enter Brief Summary*', pihak pengadu hendaklah memaklumkan bahawa seseorang telah

menyalahgunakan gambar/nombor telefon peribadi tanpa kebenaran.

- v. Manakala, pada ruangan '*Step 2: Select Parent Category*', pihak pengadu hendaklah memilih '*Safety and Privacy*'.
- vi. Seterusnya, pada ruangan '*Step 2a: Select Sub-Category*', pihak puan hendaklah memilih '*Imposter Profile*'
- vii. Pada ruangan '*Step 3: Provide a detailed Description*', pihak pengadu hendaklah mengemukakan capaian profil yang ingin diadukan dan juga maklumat yang disebarkan yang diambil tanpa kebenaran (gambar/nombor telefon peribadi), dari mana sumber asal maklumat tersebut, seterusnya mengemukakan akibat daripada perbuatan berkenaan kepada pihak pengadu.
- viii. Pihak pengadu akan diberikan nombor rujukan (tracking number) dan juga e-mel yang mengandungi maklumat tersebut. Pihak pengadu boleh mengetahui status aduan melalui seksyen '*My Support*' di profil pengadu.
 - Sebarang tatacara aduan penyalahgunaan di laman Tagged akan berubah dari masa ke semasa.

Sesiapa sahaja boleh mengambil salinan gambar yang diletakkan secara terbuka di Internet untuk kepentingan masing-masing. Ini kerana apabila kita telah meletakkan atau memaparkan gambar kita di internet, ia akan menjadi tontonan umum dan adalah hak umum. Untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini, anda tidak digalakkan untuk memaparkan gambar-gambar peribadi secara terbuka di Internet. Gunakan kemudahan "privasi" yang disediakan untuk memastikan hanya rakan-rakan yang boleh dipercayai boleh melihatnya.

11. Seseorang telah mengugut untuk menyebarkan gambar/maklumat peribadi saya di Internet sekiranya saya tidak mengikut permintaan beliau?

Jika ugutan yang diterima melibatkan keselamatan diri atau harta, anda digalakkan untuk membuat laporan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia supaya tindakan segera dapat diambil.

Jika komunikasi yang diterima adalah dalam bentuk ugutan yang **tidak** melibatkan ancaman terhadap nyawa atau harta, anda boleh membuat laporan kepada pihak SKMM.

Dalam kesemua kes ugutan, anda disarankan untuk menyimpan semua mesej atau komunikasi elektronik yang diterima sebagai bukti aduan.